

08 NOV 1998  
Apec-Perentian  
SATE KAJANG UNTUK CLINTON

Oleh: E.Sivabalan

CYBERJAYA, 8 Nov (Bernama) -- Sate Kajang, Nasi Goreng Kampung, Soto Ayam dan Ayam Percik akan dihidangkan kepada Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan pemimpin-pemimpin lain yang menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini pada 18 Nov ini.

Semua makanan kegemaran tempatan itu ialah antara menu jamuan tengah hari para pemimpin dunia itu di Cyberview Lodge, tempat perentian mereka selepas mesyuarat itu.

"Ia adalah set hidangan Muhibah," kata pengurus besar Cyberview Lodge Maleia Marsden.

Beliau berkata para pemimpin Apec itu juga akan dijamu dengan buah-buahan tropika.

Sidang kemuncak Apec akan bermula dengan mesyuarat tidak rasmi para pegawai kanan pada 12-13 Nov, diikuti mesyuarat tidak rasmi peringkat menteri pada 14-15 Nov. Para pemimpin itu akan bermesyuarat pada 17-18 Nov.

Kesemua mesyuarat itu akan diadakan di hotel Palace of Golden Horses di Sungai Besi.

Apec mempunyai 18 anggota -- Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Tiga lagi negara anggota -- Rusia, Peru dan Vietnam -- akan menyertai forum itu pada mesyuarat di Kuala Lumpur.

Antara yang dilaporkan telah mengesahkan kehadiran mereka ialah Presiden Amerika Bill Clinton, Perdana Menteri Australia John Howard, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Presiden Indonesia B.J.Habibie, Presiden Filipina Joseph Estrada dan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien.

Cyberview Lodge terletak di tengah-tengah Cyberjaya, kira-kira 40km selatan Kuala Lumpur.

Cyberjaya, komponen teras Koridor Raya Multimedia (MSC), terletak di kawasan seluas 2,800 hektar. Bandar itu, yang dibangunkan menggunakan konsep mesra alam, terletak lima kilometer di utara Dengkil di jalan menuju ke Puchong.

Bersebelahannya ialah Putrajaya, pusat pentabiran baru Kerajaan Persekutuan di kawasan seluas 7,000 hektar.

Marsden berkata para pemimpin itu dijadualkan tiba di di rumah persinggahan itu pada 8.15 pagi sebelum dibawa ke Bilik Songket sejam kemudian untuk menghadiri mesyuarat yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka (dan isteri masing-masing) akan diberikan sebuah bilik," katanya.

Beliau berkata keselamatan ialah perkara yang diberikan keutamaan di Cyberview Lodge.

Rumah persinggahan itu juga mempunyai tenaga kerja yang mencukupi bagi menangani semua keperluan tetamunya, katanya.

Menurutnya Cyberview Lodge akan ditutup kepada umum pada tengah hari 17 Nov dan akan dibuka semula pada pukul 7 malam hari berikutnya.

Menurutnya sejak beberapa hari lepas, para pekerjanya sibuk membuat persiapan bagi memastikan segala-galanya berjalan lancar di rumah persinggahan itu.

Marsden, yang mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan hotel, berkata satu jalan masuk ke Cyberview Lodge akan dibuka tidak lama lagi.

"Pada masa ini, kami sedang melakukan kerja-kerja lanskap di sepanjang jalan itu," katanya.

Semalam, Dr Mahathir meluangkan masa daripada jadual ketatnya hari ini untuk melawat Cyberview Lodge bagi memastikan semuanya siap sedia menyambut para pemimpin dunia itu. Beliau juga mendengar taklimat mengenai persiapan itu daripada Marsden.

Marsden berkata beliau berasa sungguh gembira dan tidak sabar menantikan kunjungan para pemimpin Apec itu.

"Mulai sekarang, semuanya bersiap sedia," katanya.

-- BERNAMA

ES NAK